

SH 31/3/09 ps. 77.

Program penggalakan sains tarik minat pelajar

Hanya 32.4 peratus graduan Sains dan Teknologi dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan Laporan Petunjuk Sains dan Teknologi Malaysia 2004 berbanding keperluan 60 peratus dalam bidang tersebut.

W SAIDATUL FADZILAH W NAJEMUDIN

KUALA TERENGGANU – Pendedahan ke arah program penggalakan sains kepada pelajar mampu menanam minat sekali gus mencapai matlamat pelaksanaan dasar 40:60 pelajar Sastera-Sains.

Pengarah Institut Bio Teknologi Marin, Prof Madya Dr Mohd Effendi Abd Wahid berkata, program khusus itu lebih ideal dilaksanakan sebelum pelajar melangkah ke Tingkatan Tiga.

“Pelajar patut didedahkan dengan aplikasi sains terhadap benda di sekeliling mereka. Di Perancis, pelajar menghadiri program tersebut di universiti terpilih.

“Setiap kali cuti sekolah, universiti di sana menganjurkannya selama seminggu



“““

Setiap kali cuti sekolah, universiti di sana menganjurkannya selama seminggu atau dua minggu bagi menggalakkan minat terhadap sains, selain ekspo sains yang juga kerap diadakan di Korea Selatan.

- Prof Madya Dr Mohd Effendi Abd Wahid

atau dua minggu bagi menggalakkan minat terhadap sains, selain ekspo sains yang juga kerap diadakan di Korea Selatan,” katanya kepada **Sinar Harian** ketika dihubungi, semalam.

Baru-baru ini, Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid mendedahkan, dasar 40:60 bagi Sastera-Sains masih belum mencapai matlamat walaupun sudah 42 tahun pelaksanaannya.

Menurutnya, hanya 32.4 peratus graduan Sains dan Teknologi dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan Laporan Petunjuk Sains dan

Teknologi Malaysia 2004 berbanding keperluan 60 peratus dalam bidang tersebut.

Kata Mohd Effendi, pendedahan lebih mendalam dengan memberikan projek tertentu kepada pelajar mampu memperhebat bidang sains, seterusnya menarik pelajar meminati bidang itu.

Selain itu, beliau melihat program sains yang diadakan selepas peperiksaan tidak tepat, memandangkan keputusan peperiksaan pelajar tidak mampu diubah lagi sedangkan kefahaman dan motivasi mereka meningkat selepas menghadiri program berkaitan sains.